

## Perbandingan Unsur Patriotik dan Gaya Bahasa antara Lirik Lagu Lili Marleen dan Perwira

### Comparative Study of Patriotic Elements and Language Style between Lyrics for the Songs Lili Marleen and Perwira

FARHANA MUSLIM MOHD JALIS, SYASYA AFIFAH JUSNI & SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

#### ABSTRAK

*Muzik telah lama dijadikan sebagai medium hiburan dan juga medium ekspresi untuk menyampaikan sesuatu tujuan berupa perasaan atau emosi kepada jiwa pendengar. Muzik atau lagu dirasakan dapat menjadi medium yang sesuai untuk memupuk perasaan sayang dan cinta bukan sekadar sesama manusia, tetapi juga terhadap agama, bangsa dan negara. Kebanyakan lagu klasik telah lama dilupakan oleh generasi zaman sekarang selain turut menghiraukan nilai-nilai penting tujuan lagu itu dihasilkan. Makalah ini memberikan tumpuan terhadap unsur gaya bahasa dan unsur patriotik yang terdapat dalam dua buah lirik lagu. Kajian ini melibatkan lirik lagu daripada lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965) yang dinyanyikan oleh Marlene Dietrich dan Puan Sri Saloma. Kajian kualitatif ini menggunakan Teori Unsur Patriotik oleh Nazri Muslim & Jamsari Alias (2004) dan juga Teori Unsur Gaya Bahasa oleh Nik Hassan Basri (2005) sebagai metodologi kajian. Objektif utama kajian ini adalah untuk membandingkan unsur patriotik dan menganalisis gaya bahasa yang digunakan dalam kedua-dua lagu tersebut. Bagi mencapai objektif kajian yang dirangka, kaedah pemerhatian dan analisis teks dilakukan terhadap kedua-dua lirik lagu tersebut dengan menggunakan teori stilistik yang diasaskan oleh Tarigan pada 2009. Kajian rentas bahasa ini seharusnya dipergiatkan lagi untuk melihat keunikan penggunaan gaya bahasa antara bahasa yang dikaji. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur patriotik seperti percintaan, perjuangan dan berbakti. Manakala unsur gaya bahasa yang diperolehi daripada kedua-dua lirik lagu ini ialah anafora, asonansi, aliterasi dan juga metafora. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi kajian akan datang terutamanya kajian rentas bidang yang berminat untuk menjalankan kajian lanjutan dari sudut elemen stilistik dan gaya bahasa.*

*Kata kunci: Gaya Bahasa; unsur patriotik; lirik lagu; bahasa Jerman; bahasa Melayu; perbandingan bahasa*

#### ABSTRACT

*Music has long been used as a medium of entertainment and expression to convey a purpose in the form of feelings or emotions. Music or song is considered to be a suitable medium to foster feelings of affection and love not only for fellow human beings but also for religion, race, and country. Most of the classic songs have long been forgotten by the current generation, in addition to ignoring the critical values for which the song was produced. This study focuses on the elements of language style and patriotic elements found in two song lyrics. The two song lyrics are Lili Marleen (1945) and Perwira (1965) sung by Marlene Dietrich and Puan Sri Saloma. This qualitative study uses the Theory of Patriotic Elements by Nazri Muslim & Jamsari Alias (2004) and the Theory of Language Elements by Nik Hassan Basri (2005) as the research methodology. The main objective of this study is to compare patriotic elements and analyze the language style used in the two songs. In order to achieve the objective of the planned study, the method of observation and text analysis was carried out on the two lyrics of the song by using the stylistic theory founded by Tarigan in 2009. This cross-language study should be further intensified to see the uniqueness of the use of language style among the languages studied. The results of the study show that there are patriotic elements such as romance, struggle, and devotion. While the elements of language style obtained from both lyrics of this song are anaphora, assonance, alliteration, and metaphor. It is hoped that this study can be used as a guide and reference for future studies, especially cross-disciplinary studies that are interested in conducting further studies from the point of view of stylistic elements and language style.*

*Keywords: Language style; patriotic elements; song lyrics; German language; Malay language; language comparative*

## PENDAHULUAN

Menurut Anderson (1983) lagu patriotik boleh mewujudkan keadaan “*unisonance*” yang membawa maksud jelas iaitu perasaan dan semangat. “*Unisonance*” bermaksud nyanyian lagu kebangsaan dan lagu berunsurkan patriotik yang dilakukan oleh sekumpulan manusia sama ada mengenali sesama sendiri ataupun tidak dan nyanyian dilakukan secara bersatu atau bersama-sama (Anderson 1983). Menurut beliau lagi, muzik juga sudah lama menjadi pembentuk pemangkin semangat bagi negara bangsa Eropah. Hal ini terjadi akibat sentimen atau perasaan itu digabungkan dengan lagu-lagu yang melambangkan patriotisme dan juga nasionalisme. Berikutan daripada nyanyian ini, satu perasaan atau emosi perpaduan yang luar biasa akan dirasakan secara kolektif oleh penyanyi-penyanyi lagu tersebut. Nyanyian lagu kebangsaan dan lagu bukan kebangsaan yang membawa unsur patriotik, jelas membawa maksud formaliti yang berbeza (Shazlin A. Hamzah 2020). Garis pembahagian antara muzik popular dan muzik nasionalis tidak dapat dilakukan dengan jelas kerana mana-mana gaya muzik atau *repertoire* merupakan unsur yang berpontensi untuk menzahirkan semangat nasionalisme mengikut keadaan dan persekitaran yang sesuai. Namun begitu, baik melalui nyanyian atau mendengar kepada genre muzik sebegini, tujuan utama terciptanya lagu-lagu patriotik pasti akan dapat dicapai kerana muzik merupakan salah satu kaedah penyebaran ideologi yang sering dilakukan (Shazlin A. Hamzah 2020). Namun begitu, lagu-lagu bukan kebangsaan yang berunsurkan patriotik, sering menjadi platform masyarakat pada era zaman pra dan pasca peperangan bagi menzahirkan perasaan yang terbuka dihati. Selain dapat menyampaikan perasaan yang mungkin sama dikongsi oleh mereka yang mendengarkan lagu tersebut. Muzik merupakan sumber hiburan popular yang boleh diakses memandangkan zaman tersebut terbatas kepada teknologi yang tidak begitu canggih. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada kajian terhadap dua lirik lagu iaitu Lili Marleen (1945) yang dinyanyikan oleh Marlene Dietrich dalam bahasa Jerman dan lagu Perwira (1965) yang dinyanyikan oleh Puan Sri Saloma dalam bahasa Melayu. Kedua-dua lagu ini merupakan lagu klasik malar hijau yang amat dikenali ditengah air masing-masing.

Lagu Lili Marleen (1945) (terdapat juga ejaan nama “*Lili Marlene*”, “*Lili Marlen*”, “*Lily Marlene*”

dan “*Lili Marlène*” yang diterjemahkan kepada banyak bahasa lain, merupakan lagu berunsurkan percintaan yang popular ketika perang dunia kedua tetapi liriknya ditulis lebih awal dalam bentuk puisi, pada tahun 1915, oleh Hans Leip, yang merupakan seorang penulis novel, penyair dan penulis drama Jerman. Puisi Lili Marleen ditulis oleh Liep pada tahun 1915 ketika beliau berkhidmat sebagai askar semasa Perang Dunia Pertama (Liep 2015). Puisi yang pada asalnya bertajuk “*Das Lied eines jungen Soldaten auf der Wacht*” (*A song of a soldier on the watch* / Lagu seorang askar muda yang sedang berkawal) di mana ia mengisahkan tentang penderitaan yang dirasakan oleh seorang askar setelah berjauhan daripada orang yang dicintainya untuk pergi berkhidmat di medan peperangan. Liep menggabungkan nama kekasihnya ‘Lili’ dan juga nama seorang kekasih rakan seperjuangannya yang bernama ‘Marleen’. Apabila karya Leip muncul dalam koleksi puisi “*Die Kleine Hafenorgerl*” (*A Little Harbour Organ* / Sebuah pelabuhan organ kecil) pada tahun 1937, seorang komposer bernama Norbert Schultze mengubah puisi tersebut menjadi sebuah lagu setahun kemudian. Lagu ini asalnya dinyanyikan oleh seorang penyanyi Jerman yang bernama Lale Anderson pada tahun 1939, namun tidak mendapat sambutan yang menggalakkan ketika era zaman propaganda tentera Nazi pada waktu itu. Lagu Lili Marleen kemudiannya dirakam semula oleh pelakon dan penyanyi Hollywood berketurunan Amerika-Jerman, Marlene Dietrich pada tahun 1945 dan lagu ini kemudiannya menjadi terkenal dan sinonim dengan beliau sejak itu. Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Rosa Sala Rose (2013) bertajuk “*Lili Marlene: The Biography of a Song*” dan telah diterjemahkan oleh Paul Hammond daripada bahasa Sepanyol kepada bahasa Inggeris mendapati bahawa kajian ini menceritakan tentang naratif, asal usul dan tema lagu yang berkaitan tentang cinta kepada kekasih dan negara serta propaganda lagu ini yang mengkritik berapa teruknya perang dunia kedua serta pemerintahan diktator NAZI itu sendiri. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa lagu Lili Marleen (1945) adalah salah satu cara untuk mereka berhubung dengan keperibadian dan perasaan mereka apabila mereka berada dalam persekitaran yang tidak berperikemanusiaan serta kejam iaitu perang (Gibson 2014). Selain itu, terdapat juga unsur-unsur patriotik dan gaya bahasa yang menarik dalam lirik lagu Lili Marleen (1945) seperti unsur berkorban, berjuang bagi unsur patriotik, serta

asonansi, aliterasi dan lain-lain bagi unsur gaya bahasa. Menurut Siti Fatimah (2015) melalui hantaran artikel atas talian Berita Harian, lagu Perwira nyanyian seniwati terkenal tanah air pada tahun 1965, Puan Sri Saloma yang digubah untuk salah satu babak filem arahan Tan Sri P. Ramlee berjudul *Masam-Masam Manis*. Lagu berkenaan ditulis oleh Datuk Ainul Jamal Abd Rahman dan P. Ramlee sebagai komposer lagu. Lagu Perwira (1965) selain dihasilkan untuk babak filem *Masam-Masam Manis*, ia juga ditujukan kepada Rejimen Askar Melayu yang kebetulan pada masa itu mahu mengadakan lawatan ke Studio Merdeka, Hulu Klang. Lirik lagu Perwira (1965) mengisahkan kata-kata semangat dan dorongan seorang wanita terhadap kekasihnya yang pergi berjuang demi tanah air, Ainul Jamal Abd Rahman (1965).

Menurut Nik Hassan Basri (2005), gaya bahasa ialah suatu bahagian yang mempersoalkan tidak sepadannya pemakaian kata, frasa atau perkataan yang tertentu. Nik Hassan Basri (2005) juga menyatakan bahawa adanya gaya bahasa yang tidak mengandungi corak-corak tertentu iaitu seperti dalam sesebuah retorik klasik. Menurut Keraf (2008), gaya bahasa dalam sesebuah karya itu dikenali sebagai *stail* atau *gaya*. *Stail* ini akan digunakan pada waktu-waktu untuk menulis dan mengarang perkara-perkara yang indah dan juga sebaliknya. Setiap pemilihan kata, frasa dan perkataan amat dititik beratkan bagi mencipta sesuatu karya yang luar biasa bagi pendengar mahupun pembacanya. Selain itu, kajian lepas yang telah dijalankan oleh Nur Amirah dan Che Ibrahim (2014) yang bertajuk “Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee” membincangkan tentang keindahan bahasa iaitu tema, gaya bahasa dan unsur-unsur keindahan yang terdapat dalam lirik lagu P. Ramlee (Masitah dan Zulkifley 2017). Kajian ini memberi penumpuan terhadap bentuk kata yang terdapat dalam lirik lagu P. Ramlee agar dapat menjelaskan atau mempamerkan makna yang indah. Hasilnya, kajian ini dapat menemukan hasil kajian yang jelas iaitu kebanyakan lirik lagu yang dicipta oleh P. Ramlee cukup mengambil berat tentang pemilihan kata dalam menyatakan makna yang baik dan berbudi. Terdapat juga pelbagai gaya bahasa dan unsur-unsur keindahan yang didapati dalam lirik lagu ciptaan P. Ramlee seperti pengulangan frasa, aliterasi, metafora, hiperbola dan juga ironi.

Tambahan lagi, menurut Totten (1998) menjelaskan bahawa patriotisma memberi

makna semangat cinta akan negara. Beliau turut menegaskan bahawa, tidak ada bangsa, keluarga, pasukan dan kumpulan dalam apa bentuk pun yang boleh berfungsi dan berjalan dengan baik melainkan semua warganya cintakan negara. Menurut Nik Hassan Basri (2005: 9), secara umumnya terdapat pelbagai gaya bahasa yang bermacam jenis. Beliau mengatakan bahawa gaya bahasa boleh didapati dalam pelbagai karya penulisan kreatif dan bukan kreatif itu serta dapat dikelompokkan kepada lima jenis, iaitu gaya bahasa perbandingan, pertentangan, pengulangan, pertautan, dan penyirnaan. Penyelidikan ini dijalankan untuk membandingkan unsur patriotik dan gaya bahasa yang terdapat dalam lirik lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965). Tujuannya bukan sahaja untuk mengenal pasti unsur-unsur patriotik dalam bahasa yang berkaitan, tetapi juga untuk menganalisis gaya bahasa yang digunakan dalam lirik lagu tersebut. Berikut adalah soalan-soalan kajian yang perlu dijawab:

- i. Adakah terdapat perbandingan pada unsur patriotik dalam kedua-dua lagu yang berlainan bahasa iaitu bahasa Jerman dan bahasa Melayu?
- ii. Apakah gaya bahasa yang digunakan oleh penulis dalam kedua-dua lirik lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965)?

#### SOROTAN LITERATUR

Nik Safiah Karim (1994) juga menyatakan bahawa gaya bahasa yang bagus haruslah mengandungi unsur-unsur yang baik iaitu kejujuran, menarik dan mempunyai santunnya. Kejujuran dalam julat karya-karya ialah bermaksud mempunyai peraturan, kaedah dan pelaksanaan yang baik menurut Soleh Ibrahim (2015). Penggunaan kata yang tidak jelas dan tidak bagus akan menjejaskan sesuatu karya. Definisi gaya bahasa yang dilampirkan di atas dapat disimpulkan bahawa gaya bahasa adalah salah satu cara untuk mengungkapkan bahasa atau karya-karya yang indah melalui penulisan dan pemikiran. Contoh jenis-jenis gaya bahasa ialah gaya bahasa perbandingan, pertautan, penyirnaan, pertentangan dan pengulangan menurut kepada (Nik Hassan Basri 2005). Menurut Nik Hassan Basri (2005), gaya bahasa ialah suatu bahagian yang mempersoalkan tidak sepadannya pemakaian kata, frasa atau perkataan yang tertentu. Nik Hassan

Basri (2005) juga menyatakan bahawa adanya gaya bahasa yang tidak mengandungi corak-corak tertentu iaitu seperti dalam sesebuah retorik klasik. Menurut kepada Keraf (2008), gaya bahasa dalam sesebuah karya itu dikenali sebagai stail atau gaya. Stail ini akan digunakan pada waktu-waktu untuk menulis dan mengarang perkara-perkara yang indah dan juga sebaliknya. Setiap pemilihan kata, frasa, dan perkataan amat dititik beratkan bagi mencipta sesuatu karya yang luar biasa bagi pendengar mahupun pembacanya.

Berdasarkan kajian lepas yang dibuat oleh Rosa Sala Rose (2003) yang bertajuk "*Lili Marleen: The Biography of a Song*" dan telah diterjemahkan oleh Paul Hammond daripada bahasa Sepanyol kepada bahasa Inggeris menceritakan tentang naratif lagu, asal usul lagu dan tema lagu yang berkaitan tentang cinta kepada kekasih dan negara serta propaganda lagu ini. Kajian Rose (2003) mendapati bahawa lagu Lili Marleen (1945) adalah salah satu cara untuk mereka berhubung dengan keperibadian dan perasaan mereka apabila mereka berada di dalam persekitaran yang tidak berperikemanusiaan serta kejam iaitu perang (Gibson 2014). Selain itu, terdapat juga unsur-unsur patriotik dan gaya bahasa yang menarik dalam lirik lagu Lili Marleen (1945). Satu kajian lampau telah dijalankan oleh Nur Amirah dan Che Ibrahim yang bertajuk "Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee" pada tahun 2014. Kajian ini dilakukan bagi membincangkan tentang keindahan bahasa iaitu tema, gaya bahasa dan unsur-unsur keindahan yang terdapat dalam lirik lagu P. Ramlee. Oleh itu, kajian telah menumpukan kajiannya pada bentuk kata yang terdapat dalam lirik lagu P. Ramlee sehingga menjelaskan atau mempamerkan makna yang indah. Hasilnya, kajian telah menemukan hasil kajian yang jelas iaitu kebanyakan lirik lagu yang dicipta oleh P. Ramlee cukup mengambil berat tentang pemilihan kata dalam menyatakan makna yang baik dan berbudi. Terdapat juga pelbagai gaya bahasa dan unsur-unsur keindahan yang didapati dalam lirik lagu ciptaan P. Ramlee.

Tambahan lagi, berdasarkan kajian lepas yang dibuat oleh Mohammad Haris Abd Azis dengan tajuk kajiannya "Keunggulan dan Nilai Lagu Patriotik Berdasarkan Aspek Pemilihan Kata Dalam Lirik dan Kesesuaian Elemen Muzik pada tahun 2016. Mohammad Haris (2016) telah menyatakan bahawa sebanyak 78 buah lagu-lagu berkonsepkan "Patriotik" yang terdapat Malaysia bermula sebelum dan sesudah merdeka hinggalah ke hari ini telah dianalisis liriknya dan didapati bahawa

terdapat banyak unsur gaya bahasa dan unsur patriotik yang digunakan bagi mencipta lagu-lagu tersebut. Menurut Mohammad Haris (2016) juga, analisis yang dijalankan telah dapat membuktikan keberkaitan antara "Kata Adjektif" iaitu "Cinta, Setia, dan Semangat" menerusi gubahan lirik atau seni kata lagu patriotik telah memenuhi kriteria tema nilai-nilai berkaitan patriotisme di Malaysia. Selain itu, kekerapan tertinggi leksikal yang ditemui juga memperlihatkan kekuatan dan kepentingannya dalam setiap gubahan lagu-lagu patriotik. Menurut kepada Mohammad Haris (2016) juga, hal ini kerana kata adjektif tersebut bukan sahaja dianggap penting dalam menonjolkan keberkesanan lagu-lagu patriotik, tetapi juga mampu menjadi saranan dan saluran pembentukan ideologi pemikiran rakyat Malaysia.

Lagu-lagu patriotik merangkumi lirik dan muzik yang membentuk irama sehingga dapat menimbulkan semangat perjuangan, kesetiaan, kebanggaan, pengorbanan dan cinta terhadap agama, bangsa dan negara. Walaupun karya lagu-lagu patriotik dihasilkan dari negara-negara yang berbeza, dapat dilihat tujuan penciptaan lagu tersebut adalah sama. Menurut Habsah Hassan dalam penulisan Sudirman Mohd Tahir (2016), kebanyakan lirik lagu pada masa kini dirasakan agak ringkas dan mengikut trend. Lirik-lirik lagu yang disampaikan dirasakan kurang penerapan nilai-nilai murni terutama unsur dan semangat patriotik terhadap negara. Hal yang demikian merupakan suatu unsur yang penting yang perlu diterapkan dalam pemikiran anak-anak muda zaman kini yang mudah terpengaruh dengan arus kemodenan dan budaya asing negara luar. Kajian perbandingan ini dirasakan sesuai untuk dijalankan bagi melihat gaya bahasa yang digunakan oleh penulis lirik dalam bahasa Jerman dan bahasa Melayu dari sudut unsur patriotisma selain menyelami sejarah latar belakang lirik lagu yang dihasilkan.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan berdasarkan lirik lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965). Kaedah kualitatif iaitu analisis teks digunakan dalam penyelidikan ini untuk menyokong analisis data kualitatif.

## SUMBER DATA

Kajian ini merupakan kajian pemerhatian dan penelitian dokumen bagi mengkaji perbandingan



yang terdapat dalam kedua-dua buah lirik lagu ini iaitu dari segi gaya bahasa dan unsur patriotik. Kajian ini adalah untuk melihat bagaimana terdapatnya perbandingan dalam unsur patriotik dan juga gaya bahasa dalam kedua-dua buah lagu ini. Ianya juga untuk menyentuh tentang bagaimana gaya bahasa dan unsur patriotik itu mempengaruhi lirik lagu itu. Kedua-dua lirik lagu ini iaitu Lili Marleen (1945) melalui karya Lili Marlene: Biografi sebuah Lagu Rose (2013) dan Perwira (1965) telah dimuat turun daripada laman sesawang bagi mendapatkan data kajian yang lebih tepat. Lirik lagu ini diteliti dan dikaji bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Bahan kajian yang dikumpul ini bukan sahaja terdiri daripada bahasa Melayu tetapi bahan kajian ini juga

terdiri daripada bahasa Jerman dan bahasa Inggeris. Bagi memudahkan pemahaman lirik lagu Lili Marleen (1945), kajian ini menggunakan terjemahan literal kepada bahasa Inggeris Rosa (2013) dan juga bahasa Melayu seperti jadual dibawah.

Jadual 1 menunjukkan sumber data kajian berdasarkan teori Stilistik oleh Tarigan (2009) bagi menunjukkan data unsur gaya bahasa. Manakala Jadual 2 dibawah menunjukkan data unsur patriotik yang telah dikenal pasti dan dikaji menggunakan panduan kategori yang telah disenaraikan oleh Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004) dalam kajiannya yang bertajuk Patriotisme: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia. Lirik penuh lagu bagi kajian ini turut disertakan di ruangan lampiran.

JADUAL 1. Sumber data kajian bagi unsur patriotik

Tahun	Judul Lagu	Lirik Lagu
1945	Lili Marleen	<i>Und sollte mir ein Leids gescheh'n,</i> Terjemahan literal: <i>And if a mishap should befall me,</i> Dan jika celaka menimpaku  <i>Dass wir so lieb uns hatten, das sah man gleich daraus</i> Terjemahan literal: <i>We were so in love, as anyone could see at a glance</i> Sekilas pandangan semua tahu, kita sedang bercinta  <i>Wie gerne wollt ich mit mir dir geh'n,</i> Terjemahan literal: <i>How I'd have liked to go with you,</i> Betapa aku ingin pergi untuk bersamamu
1965	Perwira	Sama-sama berjuang Sama-sama berbakti  Dikaulah harapan hati  Penghibur kala sunyi  Gubahan mesra dan manja Sebagai ganti diri

## KERANGKA TEORI

Kerangka teori dalam kajian ini bermula dengan teori gaya bahasa dan konsep patriotisme atau patriotik yang akan digunakan dalam kajian ini. Menurut Nik Hassan Basri (2005), gaya bahasa ialah suatu bahagian yang mempersoalkan tidak sepadannya pemakaian kata, frasa atau perkataan yang tertentu. Nik Hassan Basri (2005) juga menyatakan bahawa adanya gaya bahasa yang tidak mengandungi corak-corak tertentu iaitu seperti dalam sesebuah retorik klasik. Menurut Keraf (2008), gaya bahasa

dalam sesebuah karya itu dikenali sebagai stail atau gaya. Stail ini akan digunakan pada waktu-waktu untuk menulis dan mengarang perkara-perkara yang indah dan juga sebaliknya. Setiap pemilihan kata, frasa, dan perkataan amat dititik beratkan bagi mencipta sesuatu karya yang luar biasa bagi pendengar mahupun pembacanya. Nik Safiah Karim (1994) juga menyatakan bahawa gaya bahasa yang bagus haruslah mengandungi unsur-unsur yang baik iaitu kejujuran, menarik dan mempunyai santunnya. Kejujuran dalam julat karya-karya ialah bermaksud mempunyai peraturan, kaedah dan

pelaksanaan yang baik menurut kepada Sasindo (2015). Penggunaan kata yang tidak jelas dan tidak bagus akan menjejaskan sesuatu karya. Definisi gaya bahasa yang dilampirkan dapat disimpulkan bahawa gaya bahasa adalah salah satu cara

untuk mengungkapkan bahasa atau karya-karya yang indah melalui penulisan dan pemikiran. Contoh jenis-jenis gaya bahasa ialah gaya bahasa perbandingan, pertautan, penyirnaan, pertentangan dan pengulangan menurut kepada Nik Hassan Basri (2005).

JADUAL 2. Sumber Data Kajian Bagi Unsur Gaya Bahasa

Tahun	Judul Lagu	Lirik Lagu
1945	Lili Marleen	<p><i>Vor der Kaserne, vor dem grossen Tor</i> Terjemahan literal: <i>In front of the barracks, before the main gate</i> Dihadapan berek, dipintu gerbang utama</p> <p><i>Hebt mich wie im Traume dein verliebter Mund</i> Terjemahan literal: <i>Your loving lips elevate me as in a dream</i></p> <p><i>deinen zieren Gang Alle Abend brennt sie</i> Terjemahan literal: <i>Your delicate stride. It burns each evening,</i> Langkah gemalaimu, membakar setiap senja</p> <p><i>Wie einst Lili Marleen, wie einst Lili Marleen.</i> Terjemahan literal: <i>As before, Lili Marleen, as before, Lili Marleen.</i> Seperti dahulu kala, Lili Marleen, Seperti dahulu kala, Lili Marleen,</p> <p><i>Und sollte mir ein Leids gescheh'n</i> Terjemahan literal: <i>And if a mishap should befall me</i> Dan jika celaka menimpaku</p>
1965	Perwira	<p>Janganlah kekanda bimbang membela pertiwi Rela sehidup-semati bersamamu Janganlah kekanda bimbang Sama-sama berjuang, sama-sama berbakti Majulah kekanda, maju, jangan undur Andainya kau gugur</p>

Selain itu, mengikut kepada Oxford English Dictionary (2004), patriotisme pula berasal daripada bahasa *Greek*, iaitu *patriotes* yang bermaksud rakan senegara dan *patrice* yang bermakna tanah air atau negara. Ini menunjukkan kepada pemahaman individu atau kumpulan yang berada di barisan hadapan yang berusaha membela tanah air mereka.

Menurut Kamus Dewan (2004) juga seorang patriot itu boleh dikatakan sebagai seseorang yang cinta akan negaranya dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mempertahankannya. Patriot membawa maksud orang yang sanggup mempertahankan atau memperjuangkan kebebasan hak tanah air mereka atau dikenali juga sebagai pembela negara menurut

Nazri Muslim & Jamsari Alias (2004). Patriot juga dikatakan orang yang cinta pada tanah airnya dan akan melakukan apa sahaja demi menjaga keselamatan dan kedaulatan tanah airnya.

Patriotisme juga boleh membawa kepada definisi fahaman atau pegangan. Contohnya seperti kepercayaan yang mampu menggabungkan individu, kelompok dan wilayah di mana masyarakat tersebut menghuni. Ianya juga akan melibatkan slogan dan simbol yang boleh mencetuskan pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku manusia. Ianya kerap kali akan dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Mengikut kepada Nordin Kardi (2003) seseorang itu akan dianggap sebagai patriot apabila tindakan dan perlakuannya menepati unsur-unsur atau ciri patriotisme yang berpandukan kepada kecintaan dan kesetiaan akan negaranya. Akhir sekali, Totten (1998) menjelaskan bahawa patriotisme juga bermaksud semangat cinta akan negara. Menurut beliau, tidak ada bangsa, keluarga, pasukan dan kumpulan dalam apa bentuk pun yang mampu berfungsi dengan baik melainkan semua warganya cinta akan negara. Menurut Doob (1964) juga, beliau menjelaskan bahawa patriotisme itu ialah *“as a person’s somewhat conscious perception that his personal welfare, as well as the welfare of the primary categories to which he belongs, is contingent on the maintenance or extension (or*

*both) of his society’s authority and culture”* yang membawa maksud persepsi seakan sedar seseorang akan kebajikan keutamaan miliknya, adalah bergantung terhadap pengkalan atau perluasan (atau kedua-duanya) kewibawaan dan budaya masyarakatnya.

## ANALISIS DATA

Kajian ini merupakan kajian pemerhatian dan penelitian dokumen bagi melihat perbandingan yang terdapat dalam kedua-dua buah lirik lagu ini iaitu dari segi gaya bahasa dan unsur patriotik. Kajian ini adalah untuk melihat bagaimana terdapatnya perbandingan dalam unsur patriotik dan juga gaya bahasa dalam kedua-dua buah lagu ini. Ianya juga untuk menyentuh tentang bagaimana gaya bahasa dan unsur patriotik itu mempengaruhi lirik lagu itu. Selain itu, kaedah analisis teks akan digunakan bagi mendapatkan data kualitatif dengan baik. Menurut kepada Krippendorff (2004), pendekatan cara analisis kandungan teks telah berkembang sejak awal 50-an dalam bidang sastera, sains sosial dan seterusnya ke bidang lain. Manakala menurut kepada Hsieh dan Shannon (2005) analisis teks adalah merupakan satu kaedah kajian selain etnografi, teori berlandas, fenomenologi dan kajian sejarah yang diguna pakai bagi tujuan menganalisis data dokumen dan temu bual yang berbentuk teks.

JADUAL 3. Jadual penganalisan data

Objektif Kajian	Kaedah
Untuk membandingkan unsur patriotik yang terdapat dalam lagu bahasa Jerman dan lagu bahasa Melayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah analisis teks (Hsieh &amp; Shannon 2005)</li> </ul>
Untuk mengkaji gaya bahasa yang digunakan di dalam kedua-dua lirik lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah analisis teks (Hsieh &amp; Shannon 2005)</li> </ul>

Berdasarkan jadual 3 di atas, prosedur penganalisan data adalah berdasarkan objektif dan begitu juga persoalan kajian yang telah ditetapkan. Bagi mengetahui dengan lebih lanjut, kajian ini hanya menggunakan satu kaedah analisis data seperti berikut iaitu analisis teks yang akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif (huraian) berbentuk kualitatif. Hal ini kerana data-data yang diperlukan bagi melengkapkan objektif kajian hanya boleh dikaji dengan cara

pemerhatian ataupun kata lainnya melalui kaedah kualitatif.

Tambahan pula, menurut kepada Mokmin Basri (2012), analisis teks adalah salah satu alat yang melibatkan prosedur khas bertujuan untuk menyediakan dapatan baru, mampu meningkatkan kefahaman pengkaji dalam memahami perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan kajian mereka. Kajian tersebut telah menjalankan analisis teks terhadap dua-dua buah lirik lagu itu

dan mendapati bahawa lagu-lagu itu mempunyai hubungan yang hampir sama. Kajian tersebut juga telah mendengar, melihat dan mencari makna di sebalik makna lirik bagi kedua-dua lagu itu. Kedua-dua lagu itu mempunyai persamaan dari segi genre dan makna iaitu genre cinta dan makna tentang peperangan. Dari segi pengamatan pula kajian ini mendapati bahawa kedua-dua buah lirik lagu itu juga mempunyai beberapa unsur-unsur patriotik yang diletakkan pada lirik lagu tersebut serta gaya bahasa yang digunakan.

#### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Penulisan ini menerangkan dengan lebih terperinci tentang data-data yang telah penulis peroleh dalam kedua-dua buah lirik lagu itu iaitu lagu Lili Marleen (1945) dan lagu Perwira (1965). Semua data yang telah diperolehi melalui kajian ini diterangkan dengan lebih mendalam mengikut kepada objektif kajian dan persoalan kajian. Analisis secara terperinci ini dimulai dengan objektif kajian yang pertama dahulu iaitu mencari perbandingan unsur patriotik yang terdapat dalam kedua-dua lirik lagu ini. Seterusnya pula adalah objektif kajian yang kedua iaitu mencari atau menyatakan data-data unsur gaya bahasa yang terdapat dalam kedua-dua buah lirik lagu itu.

Dari sudut tipologi, bahasa Jerman (disebut dalam bahasa Jerman sebagai *Deutsch*) adalah berkaitan dengan sub-cabang Bahasa Jerman Barat (bersama-sama dengan bahasa Inggeris, Frisia dan Belanda) iaitu cabang Bahasa Jermanik Indo-Eropah. Menurut Durrell (2003), bahasa Jerman dituturkan sebagai bahasa ibunda oleh kira-kira 100 juta orang di sekurang-kurangnya lima belas daerah Eropah, menjadikannya setakat ini komuniti pertuturan terbesar di Eropah Barat dan Tengah. Bahasa Jerman ialah bahasa rasmi negara Jerman, Austria, Switzerland, Liechtenstein dan Luxembourg. Manakala bahasa Melayu pula tergolong dalam cabang salasilah keluarga Austronesia. Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda orang Melayu yang menetap di Kepulauan Melayu (Nik Safiah Karim 1978:21) dan dituturkan sebagai bahasa kebangsaan di beberapa buah negara. Bahasa Melayu mempunyai pelbagai nama rasmi. Di Malaysia, Brunei dan Singapura, bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Melayu. Manakala di Indonesia pula dikenali sebagai bahasa Indonesia. Memandangkan kedua-dua bahasa ini datang dari rumpun bahasa yang berbeza, maka kajian ini merasakan, perbandingan rentas bahasa yang dijalankan ini adalah amat sesuai bukan sahaja untuk

menambah hasil penulisan akademik, malah untuk menaik taraf Bahasa Melayu dipersada antarabangsa seiring dengan bahasa barat yang lain selain dapat menunjukkan unsur yang menarik untuk dilakukan kajian rentas bahasa dalam bidang akademik zaman kini. Oleh yang demikian, bahagian ini menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu “Adakah terdapat perbandingan pada unsur patriotik dalam kedua-dua lagu yang berlainan bahasa iaitu bahasa Jerman dan bahasa Melayu?”.

Dari sudut penggunaan bahasa dalam lirik lagu, dapat kita persetujuan bahawa setiap bahasa itu mempunyai daya tarikan dan kehebatannya yang tersendiri. Hal ini menunjukkan bahawa semua bahasa dalam lagu mempunyai suatu aura yang mampu menarik pendengarnya jatuh hati kepada kata-kata yang diucapkan atau dinyanyikan dalam lagu-lagu itu. Setiap unsur yang terdapat dalam lagu itu amat penting dalam mengekalkan atau menyatakan tujuan penciptaan lagu-lagu itu. Contohnya seperti kedua-dua buah lagu ini yang menyatakan perasaan cintanya kepada kekasih mereka tanpa ragu-ragu dan mereka juga menyatakan bahawa walaupun perang memisahkan mereka namun semuanya masih segar dalam ingatan mereka tentang memori yang dikongsi bersama. Kajian ini akan menyenaraikan dahulu unsur-unsur patriotik yang terdapat dalam lagu-lagu ini dalam sebuah jadual. Jadual 4 di bawah ini menunjukkan data-data patriotik yang diperolehi dalam kedua-dua lirik lagu ini iaitu lagu Lili Marleen (1945) dan lagu Perwira (1965) menurut kepada nilai-nilai patriotisme oleh Nazri Muslim & Jamsari Alias (2004).

Berdasarkan Jadual 4 yang dikemukakan di atas ini, dapat dilihat bahawa terdapat unsur-unsur patriotik dalam kedua-dua lagu ini. Unsur pertama yang ditemukan melalui kajian ini adalah unsur berjuang dan berbakti demi negara. Dalam lagu Perwira (1965) penulis lirik Ainul Jamal menzahirkan unsur patriotik yang dapat dilihat dan difahami dengan jelas yang membawa maksud bahawa kekasih wanita dalam lagu itu rela atau sanggup untuk bersama-sama dengan kekasihnya demi perjuangan atau berbakti demi negaranya tanpa rasa ragu-ragu walaupun dalam arena yang berbeza. Dalam kata lain juga penulis lirik lagu ini mahu menyatakan cintanya kepada kekasihnya walaupun terdapat mara bahaya yang akan ditempuhi mereka sekiranya bersama, namun ia tidak mampu untuk mematahkan semangat berjuang mereka demi menemukan kembali cinta hati mereka. Lagu Lili Marleen (1945) pula menyatakan bahawa “*Und sollte mir ein Leids gescheh'n,*” (29, 1945) (*If*



*harm should come to me*) yang membawa maksud kepada “jika celaka menimpaku”. Dalam rangkap ini, pencipta lagu ini mahu menyatakan perkara yang sama seperti lagu Perwira (1965). Penciptanya mahu mengatakan bahawa dia sanggup untuk

mengorbankan jiwa dan raganya demi cinta hatinya. Penciptanya juga mahu kekasihnya mengetahui bahawa walaupun mara bahaya yang dia perlu tempuhi ianya tidak mampu untuk menghalangnya daripada bertemu kekasihnya.

JADUAL 4. Data Unsur-unsur Patriotik Menurut Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004)

Unsur Patriotik	<i>Lili Marleen</i> (1945)	Perwira (1965)
Berjuang dan berbakti	<i>Und sollte mir ein Leids gescheh 'n,</i> Terjemahan literal: <i>And if a mishap should befall me, / jika</i> celaka menimpaku	Sama-sama berjuang Sama-sama berbakti
Cinta	<i>Dass wir so lieb uns hatten, das sah man</i> <i>gleich daraus</i> Terjemahan literal: <i>That we were so much in love, one saw</i> <i>immediately. / Sekilas pandangan semua</i> tahu, kita sedang bercinta	Dikaulah harapan hati Penghibur kala sunyi
Kasih sayang	<i>Wie gerne wollt ich mit mir dir geh 'n,</i> Terjemahan literal: <i>How much I wanted to go with you, /</i> Betapa aku ingin pergi untuk bersamamu	Gubahan mesra dan manja Sebagai ganti diri

Seterusnya adalah unsur kedua yang didapati melalui kajian ini adalah unsur patriotik cinta. Bagi lagu *Lili Marleen* (1945), penciptanya mengatakan “*Dass wir so lieb uns hatten / Das sah man gleich daraus*” (11-12,1945) (*That we were so much in love, one saw immediately*) yang membawa maksud “Sekilas pandangan semua tahu, kita sedang bercinta”. Penciptanya mahu menyampaikan bahawa perasaan cintanya kepada kekasihnya amat utuh dan mekar walaupun mereka berada berjauhan antara satu sama lain. Cinta mereka yang amat mekar itu dapat dilihat oleh orang-orang yang berada di sekelilingnya tanpa ragu-ragu. Dalam lagu *Perwira* (1965) pula, Ainul Jamal Abd Rahman menulis “Perwira, dikaulah harapan hati / Penghibur kala sunyi” (1-2, 1965). Melalui ungkapan lagu ini, penciptanya mahu menyampaikan bahawa cintanya kepada kekasihnya menjadikan kekasihnya sebagai harapan hati dan juga penghibur di kala sunyinya. Walaupun mereka berjauhan kekasihnya mampu menghiburkan hatinya yang lara dan juga menjadi harapan hatinya dalam keadaan berjauhan dengan

hanya mengingati memori atau kenangan yang dilalui bersama.

Analisis bagi unsur patriotik terakhir yang diperolehi melalui kajian bandingan ini adalah data unsur kasih sayang. Kedua-dua lagu ini menunjukkan atau memperdengarkan unsur kasih sayang yang kuat antara negara dan kekasihnya. Walaupun penciptanya mencintai kekasihnya dengan sepenuh hati namun mereka juga sanggup untuk menempuh mara bahaya demi mempertahankan negara mereka daripada dijajah oleh negara lain. Dalam lagu *Lili Marleen* (1945), Hans Leip menulis “*Wie gerne wollt ich mit mir dir geh 'n,*” (22, 1945) (*How much I wanted to go with you*) yang memberi maksud “Betapa aku ingin pergi untuk bersamamu”. Dalam rangkap ini, penciptanya mahu mengatakan kasih sayangnya terhadap kekasihnya sehingga jiwanya meronta-ronta untuk meninggalkan medan perang bagi bersama kekasihnya namun kasih sayangnya kepada negara juga menghalangnya daripada meninggalkan barisan hadapan pertahanan negaranya. Di sini dapat dilihat bahawa pencipta ini

amat menyayangi kedua-duanya iaitu kekasihnya dan negaranya. Manakala lagu Perwira (1965) pula mengatakan “Gubahan mesra dan manja / Sebagai ganti diri” (10-11, 1965). Dalam rangkap ini, pencipta lagu ini mahu menyatakan bahawa gubahan mesra itu adalah lagu yang pencipta hasilkan ini adalah ciptaan lagu yang berdasarkan kasih sayang kepada kekasihnya. Penciptanya juga menyatakan bahawa lagu yang dihasilkan ini adalah sebagai ganti peneman disaat kekasihnya sedang berjuang kepada negara. Ianya seperti “dengarlah lagu yang ku ciptakan untuk mu ini di kala kau sunyi dan merindukan ku”.

Berdasarkan data unsur-unsur patriotik yang telah disenaraikan, kajian ini berpendapat bahawa tiada perbandingan atau perbezaan antara kedua-dua lagu ini. Walaupun penghasilannya dipisahkan oleh ruang waktu, tempat, negara dan bahasa namun tiada perbezaan yang boleh dilihat. Perbandingan juga tiada kerana kedua-duanya seperti mempunyai satu ikatan yang kukuh dalam penghasilannya. Tujuan asalnya adalah berbeza namun akhirnya ianya berubah menjadi haluan yang sama kerana kedua-dua buah lagu ini mempunyai unsur-unsur patriotik yang kukuh dan jelas. Hal ini dapat disimpulkan bahawa objektif kajian yang pertama iaitu mengkaji adakah terdapatnya perbandingan antara unsur patriotik dalam kedua-dua lirik lagu ini menemui keputusannya yang jelas. Keputusannya adalah tiada perbandingan atau perbezaan yang ditemui dalam data unsur patriotik di dalam lagu Lili Marleen (1945) dan lagu Perwira (1965).

Dalam bahagian ini, hasil dapatan kajian ini menjelaskan tentang data-data unsur gaya bahasa yang didapati dalam kedua-dua lirik lagu ini bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu “Apakah gaya bahasa yang digunakan oleh penulis dalam kedua-dua lirik lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965)?”. Terdapat pelbagai data unsur gaya bahasa yang telah diperoleh melalui kajian ini terhadap kedua-dua lirik lagu ini. Dapatan kajian unsur-unsur gaya bahasa ini telah dibuat berdasarkan panduan daripada Teori Gaya Bahasa oleh Nik Hassan Basri (2005). Dalam jadual 5 di bawah ini dapat dilihat bahawa terdapat banyak unsur gaya bahasa dalam lagu yang menjadikan lagu-lagu ini begitu menarik dan hebat sesuai dengan zaman mereka. Pada era zaman lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965) diciptakan, ia merupakan zaman ketika peperangan di mana negara Jerman ketika itu berada dibawah era pemerintahan tentera Nazi dan Malaysia pada ketika itu di era pasca kemerdekaan di mana semangat ketenteraan dan cinta pada tanah

air masih lagi utuh. Pengorbanan pasangan yang bercinta pada ketika itu, merupakan suatu bentuk penyiksaan jiwa dan raga maka dizahirkan dalam bentuk lirik lagu agar dapat dijiwai bagi mereka yang mendengar. Setiap gaya bahasa yang digunakan dalam lagu-lagu ini membawa kepada populariti penyanyinya. Penggunaan gaya bahasa yang kukuh dan menarik mampu membantu penciptanya mencapai kejayaan yang amat dinantikan oleh setiap pencipta tidak kira tua ataupun muda. Terdapat pelbagai gaya bahasa yang ada dalam sastera yang boleh digunakan oleh pencipta untuk mencantikkan ciptaan mereka tanpa perlu mengeluarkan duit yang banyak.

Berdasarkan Jadual 5 di atas, kajian mengeluarkan data-data unsur gaya bahasa dalam kedua-dua lirik lagu ini. Gaya bahasa pertama adalah gaya bahasa asonansi yang membawa maksud pengulangan huruf vokal iaitu “A, E, I, O, U” dalam rangkap kata yang sama. Gaya bahasa asonansi ini terdapat dalam kedua-dua lirik lagu yang dikaji. Dalam lirik lagu Lili Marleen (1945), “*Vor der Kaserne / vor dem grossen Tor*” (1-2,1945) huruf-huruf asonansi telah digariskan bagi memudahkan dapatan kajian data-data yang terdapat dalam rangkap tersebut. Dalam rangkap ini, huruf “e” merupakan huruf yang menjadi perulangan yang paling banyak iaitu sebanyak lima kali. Dalam lirik lagu Perwira (1965) pula, penulis lirik menyebut “Janganlah kekanda bimbang” (7, 1945) dan “Membela pertiwi” (5, 1945). Dalam rangkap ini huruf asonansi yang menjadi pengulangan adalah huruf “a” sebanyak enam kali dan huruf “e” sebanyak tiga kali.

Seterusnya adalah gaya bahasa yang kedua iaitu gaya bahasa hiperbola. Hiperbola membawa maksud kepada pernyataan yang dilakukan secara berlebih-lebihan. Dalam lagu Lili Marleen (1945), gaya bahasa ini digunakan dalam rangkap “*Hebt mich wie im Traume / Dein verliebter Mund*” (35-36, 1945) (*Your loving lips elevate me as in a dream*) yang memberi maksud “bibirmu yang penyayang membuatkan ku bagaikan terapung di alam mimpi”. Penulis lirik menggunakan kata-kata atau pernyataan yang berlebih-lebihan iaitu “terapung bagaikan di alam mimpi”. Pernyataan ini hanya mahu mengatakan bahawa kerinduannya kepada kekasihnya telah menjadikan dia teringat akan bibir kekasihnya yang indah. Lagu Perwira (1965) pula menyebut “Rela sehidup-semati bersamamu” (23, 1965). Melalui pernyataan ini, penulis lirik mahu menyatakan bahawa dia sanggup untuk berjuang bersama tidak kira ketika susah mahupun senang.

Pernyataan sehidup semati itu menggambarkan kesusah dan kesenangan yang akan dilalui bersama sebagai pasangan suami isteri.

JADUAL 5. Data Unsur-unsur Gaya Bahasa menurut Nik Hassan Basri (2005) Perwira (1965)

Gaya Bahasa	Lili Marleen (1945)	Perwira (1965)
Asonansi	<i>Vor der Kaserne, vor dem grossen Tor</i> Terjemahan literal: <i>In front of the barracks, before the entrance gate / dihadapan berek, di pintu gerbang utama</i>	Janganlah kekanda bimbang Membela pertiwi
Hiperbola	<i>Hebt mich wie im Traume dein verliebter Mund</i> Terjemahan literal: <i>Your loving lips Elevate me as in a dream / bibirmu yang penyayang membuatkan ku bagai terapung dalam mimpi</i>	Rela sehidup-semati bersamamu
Aliterasi	<i>deinen zieren Gang Alle Abend brennt sie</i> Terjemahan literal: <i>Your delicate stride. It burns each evening, / langkah gemalaimu membakar setiap senja</i>	Janganlah kekanda bimbang Rela sehidup-semati bersamamu
Pengulangan frasa	<i>Wie einst Lili Marleen, wie einst Lili Marleen.</i> Terjemahan literal: <i>As before, Lili Marleen, as before, Lili Marleen. / seperti dahulu kala, Lili Marleen, seperti dahulu kala, Lili Marleen</i>	Sama-sama berjuang, sama-sama berbakti
Anafora	<i>Vor der Kaserne, vor dem grossen Tor</i> Terjemahan literal: <i>In front of the barracks, before the main gate / dihadapan berek, dipintu gerbang utama</i>	Majulah kekanda, maju, jangan undur
Metafora	<i>Hebt mich wie im Traume dein verliebter Mund.</i> Terjemahan literal: <i>Your loving lips elevate me as in a dream</i>	Andainya kau gugur
Ironi	<i>Und sollte mir ein Leids gescheh'n</i> Terjemahan literal: <i>And if a mishap should befall me</i>	Rela sehidup semati bersamamu

Selain itu, gaya bahasa yang ketiga adalah gaya bahasa aliterasi. Gaya bahasa aliterasi

adalah pengulangan huruf konsonan yang terdapat di dalam rangkap yang sama iaitu selain daripada huruf vokal "A, E, I, O, U". Dalam lirik lagu Lili Marleen (1945), penciptanya telah menggunakan pengulangan huruf konsonan iaitu huruf "n"

sebanyak tujuh kali dalam rangkap "*Deinen schönen Gang / Alle Abend brennt sie*" (26-27, 1945) (*Your delicate stride. It burns each evening / langkah gemalaimu membakar setiap senja*). Manakala lagu Perwira (1965) pula telah menggunakan

pengulangan huruf konsonan “n” dan “s” dalam rangkap “Janganlah kekanda bimbang” (7, 1965), “Rela sehidup-semati bersamamu” (23, 1965) di mana kedua-dua rangkap ini diulangi sebanyak empat kali dan tiga kali. Gaya bahasa yang seterusnya adalah gaya bahasa pengulangan frasa, gaya bahasa pengulangan frasa adalah pengulangan kata atau pernyataan dalam satu rangkap yang sama. Lagu *Lili Marleen* (1945) menggunakan gaya bahasa ini dengan banyak untuk mencantikkan lagunya. Dalam rangkap ini, “*Wie einst Lili Marleen, wie einst Lili Marleen*” (7-8, 1945) (*As before, Lili Marleen, as before, Lili Marleen* / seperti dahulu kala, Lili Marleen) dapat dilihat dengan jelas bahawa penciptanya menggunakan kata-kata yang sama berulang kali dalam rangkap kata yang sama. Manakala, lagu Perwira (1965) juga menggunakan pengulangan frasa ini. Dalam rangkap “Sama-sama berjuang / Sama-sama berbakti” (17-18, 1965) dapat dilihat dengan jelas frasa sama-sama itu digunakan berulang kali dalam rangkap yang sama.

Di samping itu, kajian ini juga telah memperolehi data gaya bahasa anafora. Gaya bahasa anafora menunjukkan bahawa terdapatnya pengulangan kata di hadapan rangkap yang berlainan. Dalam lagu *Lili Marleen* (1945), gaya bahasa anafora ini telah digunakan semasa rangkap “*Vor der Kaserne / Vor dem grossen Tor*” (1-2, 1945) (*In front of the barracks, before the main gate*). Berdasarkan rangkap ini, dapat dilihat bahawa perkataan “*Vor*” itu diulang pada hadapan rangkap. Lagu Perwira (1965) pula menggunakan gaya bahasa ini dalam rangkap “Majulah kekanda, maju jangan undur” (21, 1965). Perkataan “maju” menjadi pilihan penulis lirik untuk diulangi kerana perkataan ini mampu memberi semangat kepada kekasihnya mahupun sesiapa pun yang mendengarnya. Gaya bahasa yang seterusnya adalah gaya bahasa metafora. Gaya bahasa metafora adalah penggunaan kata-kata yang mempunyai makna tersurat dan tersirat ataupun penggunaan kata konkrit dan kata abstrak. Dalam lagu *Lili Marleen* (1945), gaya bahasa metafora ini digunakan di dalam rangkap “*Hebt mich wie im Traume / Dein verliebter Mund*” (35-36, 1945) (*Your loving lips elevate me as in a dream*). Pencipta lagu ini menggunakan perkataan abstrak dan perkataan konkrit iaitu mimpi dan bibir dalam rangkap ini. Lagu Perwira (1965) pula menyatakan bahawa “Andainya kau gugur” (9, 1945) dalam rangkapnya. Kata konkritnya adalah “gugur” dan kata abstraknya adalah “andainya”.

Akhir sekali, gaya bahasa yang telah ditemui adalah gaya bahasa ironi. Gaya bahasa ironi

adalah gaya bahasa sindiran, di mana gaya bahasa ini menyatakan sesuatu yang berlainan makna. Dalam lagu *Lili Marleen* (1945), pernyataan ini di letakkan dalam rangkap “*Und sollte mir ein Leids gescheh'n*” (29, 1945) yang memberi maksud “Jika celaka menimpaku”. Penulis lirik mahu mengatakan bahawa jika terjadinya sesuatu yang buruk kepadanya bukanlah mara bahaya itu patut datang kepadanya. Gaya bahasa ironi dalam lagu Perwira (1965) pula diletakkan dalam rangkap “Rela sehidup semati bersamamu” (23, 1965). Melalui rangkap ini, penciptanya mahu mengatakan bahawa dia dan kekasihnya sanggup untuk bersusah dan bersenang bersama-sama bukanlah sanggup untuk mati dan hidup hanya ketika ada bersama. Ianya seperti mahu menyatakan walau apa pun kesusahan dan kesenangan yang mereka lalui, mereka sanggup jalannya.

Berdasarkan data-data unsur gaya bahasa yang dikemukakan oleh kajian ini dalam Jadual 5 di atas, dapat dilihat bahawa terdapat pelbagai gaya bahasa yang telah pencipta lagu itu gunakan untuk mencantikkan ciptaan mereka. Dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai gaya bahasa yang menjadi pilihan kedua-dua pencipta lagu ini. Dengan adanya gaya bahasa dalam seni sastera ini, pelbagai karya sastera yang menarik dapat dihasilkan sesuai dengan peredaran zaman. Setiap zaman mestilah mempunyai *trademark* ataupun kunci popularitinya yang tersendiri dan ada juga karya-karya seni yang tidak lapuk ditelan zaman. Kesimpulannya, kedua-dua buah lagu ini iaitu *Lili Marleen* (1945) yang dinyanyikan oleh Marlene Dietrich dan lagu Perwira (1968) yang dinyanyikan oleh Puan Sri Saloma ini mempunyai gaya bahasa yang banyak dan meluas. Makna kedua-dua lirik lagu ini juga boleh diinterpretasikan mengikut peredaran zaman dan tidak lapuk dimamah usia atau waktu.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa kedua-dua lirik lagu ini mempunyai persamaan dari segi unsur patriotik dan juga unsur gayanya. Tiada perbandingan atau perbezaan yang diperoleh dalam kedua-dua buah lirik lagu ini bagi kedua-dua segi unsur. Lirik lagu ini mempunyai unsur-unsur patriotik yang sama iaitu berbakti dan berjuang, cinta dan juga kasih sayang. Selain itu, persamaan dari segi penggunaan unsur-unsur gaya bahasanya adalah asonansi, aliterasi, hiperbola, pengulangan frasa, anafora, metafora dan juga ironi. Walaupun terdapat banyak perbezaan dari sudut



tahun lagu-lagu ini diciptakan, penyanyi, bahasa, dan negara asal dua buah lirik lagu ini semasa penciptaannya namun, unsur dari segi konsep gaya bahasa, patriotik dan kisah percintaan yang dizahirkan oleh penulis lirik lagu, masih dapat diselidik dan dikaji persamaannya. Jelas dapat dilihat, muzik merupakan salah satu platform yang sering digunakan untuk memberi semangat dan harapan kepada masyarakat khususnya para pejuang di era zaman pra atau pasca peperangan sebagai pengubat dan penghibur dikala kerinduan.

Penyelidikan ini adalah kajian yang melibatkan dua buah lagu sahaja iaitu lagu Lili Marleen (1945) dan Perwira (1965). Kedua-dua lagu ini juga berlainan dari segi bahasanya iaitu bahasa Jerman dan bahasa Melayu. Kajian ini juga memuat turun kedua-dua lirik lagu melalui sumber yang diambil daripada laman sesawang, memandangkan ianya merupakan lagu klasik yang tidak mempunyai sumber rasmi untuk memuat turun lirik lagu klasik. Terdapat beberapa disertasi yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian yang digunakan sebagai rujukan kajian. Selain itu, kajian ini hanyalah terbatas kepada pengenalan terhadap unsur-unsur patriotik dan juga unsur-unsur gaya bahasa yang terdapat dalam lirik lagu ini sahaja. Kajian makna tidak dilakukan dalam kajian ini kerana ianya tidak termasuk dalam skop kajian. Oleh itu, segala kajian akan dilakukan dengan teliti bagi mengelakkan sebarang kesalahan.

Akhir sekali, dapat dirumuskan bahawa kajian terhadap unsur gaya bahasa dan unsur patriotik dalam kedua-dua lirik lagu ini masih lagi berada di peringkat yang awal. Selain itu, didapati juga kajian-kajian lepas juga masih kurang menyentuh tentang hal-hal yang berkaitan dengan unsur gaya bahasa dan unsur patriotik. Oleh hal yang demikian, kekurangan sumber-sumber dan rujukan daripada kajian lepas menyebabkan kajian semasa ini mengalami kesulitan dalam mencari dapatan kajian. Kajian juga ingin mencadangkan kepada kajian yang akan datang agar membuat kajian lanjutan berkaitan dengan kedua-dua buah lagu ini dari segi elemen stilistiknya, maknanya, temanya dan lain-lain.

#### RUJUKAN

- Ainul Jamal Abd Rahman & P.Ramlee. 1965. Perwira. Irama Kenangan Lama [A3]. Singapura & Malaysia: Regal – SREG-9513. Vinyl Compilation (1969). Daripada <https://ohlirik.com/lirik-lagu-perwira-lagu-patriotik/>
- Anderson, B. 1983. *Imagined Communities: Reflection on the Origin and Spread of Nationalism*. Verso: London.
- Siti Fatimah Mohamed Anwar. 2015. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/>
- Doob, L. 1964. *Patriotism and Nationalism: Their Psychological Foundations*. New Haven: Yale University Press.
- Durell, M. 2003. *Using German. A Guide to Contemporary Usage*. 2<sup>nd</sup> edition. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gibson, C. 2014. In the *Midst of Our Human Civil War*: Hamish Henderson's *War Poetry and Soldier's Songs*. *Studies in Scottish Literature* 40(1): 146– 166. Daripada <https://scholarcommons.sc.edu/ssl/vol40/iss1/14>
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. 2005. Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research* 15(9): 1277-1288.
- Keraf, G. 2008. *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Krippendorff, K. 2004. Measuring the reliability of qualitative text analysis data. *Quality and Quantity* 38: 787-800.
- Liep, H., & Schultze, N. 1945. Lili Marleen. Lyric retrieved from *Das Tanzrad oder die Lust und Mühe eines Daseins*. Saga Egmont.
- Leip, H. 2015. *Das Tanzrad oder die Lust und Mühe eines Daseins*. Saga Egmont.
- Masitah Mad Daud & Zulkifley Hamid, 2017. Pemikiran dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Education and Social Sciences* 6: 2.
- Mohammad Haris Abd Azis, 2016. Keunggulan Dan Nilai Lagu Patriotik Berdasarkan Aspek Pemilihan Kata Dalam Lirik Dan Kesesuaian Elemen Muzik.
- Mokmin Basri. 2012. Model Polisi Maklumat: Kes Malaysia (Doctoral dissertation, Thesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Nazri Muslim & Jamsari Alias. 2004. Patriotisme: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia.
- Nik Hassan Basri Hj. Nik Ab. Kadir. 2003. *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir 2005. Pengajaran gaya bahasa dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 16 37-54.
- Nik Safiah Karim 1978. *Bahasa Malaysia Syntax. Some Aspects of Its Standardization*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Safiah Karim. 1994. Bahasa dalam lagu. *Pelita Bahasa*. April: 28-29.
- Nordin Kardi, 2003. Konsep patriotisme. Daripada <http://www.btn.gov.my/kp>
- Nur Amirah Che Soh & Che Ibrahim Salleh. 2014. Keindahan bahasa dalam lirik lagu P.Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation*.
- Rosa, R. S. 2013. *Lili Marleen: The Biography of a Song*. 1<sup>st</sup> edition. Seebook.
- Shazlin A. Hamzah. 2022. "Unisonance" in singing Malaysia's popular patriotic music: The platform of integration mobilising interethnic unity. *Southeast Asian Social Science Review* 7(1): 75-95.
- Soleh Ibrahim. 2015. Analisis gaya bahasa dalam kumpulan novel *Mimpi Bayang* Jinnga Karya Sanie B. Kuncoro. *Jurnal Sasindo Unpam* 3(3).
- Sudirman Mohd Tahir. 2016. Kualiti ekspres: Lirik sekarang lebih ringkas. *Berita Online My Metro*, 27 Julai. [www.hmetro.com.my/node/51088](http://www.hmetro.com.my/node/51088).

Totten, B. 1998. Patriotisme of Post War Japanese (Part 2).  
<http://www.billtotten.com>  
Tarigan, H.G. 2009. *Pengajaran gaya bahasa*, (Edisi Revisi).  
Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.

Farhana Muslim Mohd Jalis  
Jabatan Bahasa Asing  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
E-mel: fafahana@upm.edu.my

Syasya Afifah Jusni  
Jabatan Bahasa Asing  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
E-mel: syasyaafifah3@gmail.com

Salmah Jan Noor Muhammad  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
E-mel: salmahjan@upm.edu.my

## LAMPIRAN

Lili Marleen oleh Marlene Dietrich (1945)

Vor der Kaserne  
vor dem großen Tor  
stand eine Laterne,  
und steht sie noch davor,  
So woll'n wir uns dort wiederseh'n,  
bei der Laterne wolln wir steh'n,  
wie einst, Lili Marleen.  
wie einst, Lili Marleen.

Unsere beiden Schatten  
Sah'n wie einer aus.  
Daß wir so lieb uns hatten,  
das sah man gleich daraus.  
Und alle Leute solln es seh'n  
wenn wir bei der Laterne steh'n,  
wie einst, Lili Marleen.  
wie einst, Lili Marleen.

Schon rief der Posten,  
sie blasen Zapfenstreich,  
es kann drei Tage kosten,  
Kamerad, ich komm ja gleich!  
Da sagten wir auf Wiederseh'n,  
wie gerne wollt ich mit dir geh'n,  
mit dir, Lili Marleen.  
mit dir, Lili Marleen.

Deine Schritte kennt sie,  
deinen zieren Gang,  
alle Abend brennt sie,  
mich vergaß sie lang.  
Und sollte mir ein Leids gescheh'n,  
wer wird bei der Laterne stehn  
mit dir, Lili Marleen?  
mit dir, Lili Marleen?

Aus dem stillen Raume,  
aus der Erde Grund  
hebt mich wie im Traume  
dein verliebter Mund.  
Wenn sich die späten Nebel drehn  
Werd' ich bei der Laterne stehn  
wie einst, Lili Marleen.  
wie einst, Lili Marleen.

Perwira oleh Saloma (1965)

Perwira,  
dikaulah harapan hati  
Penghibur kala sunyi  
Pergilah berbakti  
Membela pertiwi

Perwira  
Janganlah kekanda bimbang untuk pergi berjuang  
Andainya kau gugur  
Jasamu dikenang

Dengarlah lagu kucipta  
Gubahan mesra nan manja  
Sebagai ganti diri  
Bersama kau berbakti  
Semoga tabah hati

Kekanda di medan perang, adinda di medan seni  
Sama-sama berjuang, sama-sama berbakti  
Untuk Ibu Pertiwi  
Majulah kekanda, maju, jangan undur  
Dinda mohon doa restu  
Rela sehidup semati bersamamu  
Perwiraku